



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

SISTEM KEWANGAN ISLAM PEMANGKIN EKONOMI MALAYSIA

Tarikh Dibaca:

**18 ZULHIJJAH 1444H/
7 JULAI 2023M**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْقُوا طَعْمَ الْإِسْلَامِ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

SISTEM KEWANGAN ISLAM PEMANGKIN EKONOMI MALAYSIA
7 JULAI 2023 / 18 ZULHIJAH 1444H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

رِجَالٌ لَا تُلْهِيهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ

فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ ﴿النور ٣٧﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Khutbah pada hari ini bertajuk: “**Sistem Kewangan Islam Pemangkin Ekonomi Malaysia**”.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran. Demi keharmonian negara tercinta ini., khatib juga ingin berpesan kepada seluruh umat Islam, agar sentiasa berhati-hati dengan setiap pertuturan dan tindakan yang boleh menjerumuskan diri sendiri dan orang lain ke lembah kekufuran dan kefasiqan. Janganlah kita memperalatkan agama Islam demi mencapai kepentingan sendiri lebih-lebih lagi dalam menghadapi kepelbagaian pandangan dan pendapat yang ada di negara kita.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam merupakan satu ajaran dan cara hidup yang paling lengkap yang menguruskan umatnya. Segala macam urusan yang dilalui oleh umat manusia di muka bumi ini sama ada akidah, syariah, *munakahat*, dan *muamalah* memiliki panduan dan aturan yang telah ditunjuk dan dibimbing oleh Syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Dalam al-Quran juga mencatatkan bahawa ayat paling panjang merupakan berkaitan muamalah iaitu ayat 282 dari Surah al-Baqarah menunjukkan betapa pentingnya muamalah dalam Islam. Selain itu, 70% kandungan dalam fiqh Islam juga merupakan perkara-perkara berkaitan muamalah.

Dalam sejarah perekonomian umat Islam, kegiatan *muamalah* seperti menerima kiriman atau simpanan harta, meminjamkan wang untuk keperluan harian dan untuk keperluan perniagaan, serta melakukan pengiriman wang, yang dilakukan dengan akad-akad yang sesuai syariah telah mula dilaksanakan oleh umat Islam sejak zaman Rasulullah SAW. Rasulullah SAW, yang terkenal dengan gelaran "*al-Amin*", diberi kepercayaan oleh masyarakat Mekah untuk menyimpan harta, sehingga pada waktu terakhir sebelum hijrah ke Madinah, Baginda meminta Ali bin Abi Talib RA untuk mengembalikan semua amanah tersebut kepada para pemiliknya.

Penggunaan cek juga telah dilaksanakan seiring dengan meningkatnya perdagangan antara Negeri Syam dengan Yaman. Semasa pemerintahan Khalifah Umar bin Khattab RA, beliau menggunakan cek untuk membayar elaun kepada mereka yang berhak. Dengan menggunakan cek ini, mereka mengambil gandum di Baitulmal yang ketika itu

diimport dari Mesir. Di samping itu, pemberian modal untuk modal kerja asas bagi hasil, seperti *mudharabah*, *muzara'ah*, *musaqah*, telah dimulakan sejak awal antara kaum Muhajirin dan kaum Ansar.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Perbankan mulai berkembang pesat ketika beredar banyak jenis mata wang pada zaman Bani Abbasiyah sehingga perlu kepakaran khusus untuk membezakan satu mata wang dengan mata wang yang lain. Hal ini diperlukan kerana setiap mata wang memiliki nilai yang berbeza. Orang yang mempunyai kepakaran khusus itu disebut *naqid*, *sarraf*, dan *jihbiz*. Aktiviti ekonomi inilah yang kita kenal sekarang sebagai penukaran mata wang (*money changer*).

Kemajuan amalan perbankan pada zaman Abbasiyah dapat dilihat dengan beredarnya cek dengan luas sebagai medium pembayaran. Bahkan, peranan jurubank¹ telah meliputi tiga aspek, yakni menerima deposit, menyalurkannya, dan memindahkan wang yang dapat dipindahkan dari satu negeri ke negeri lain tanpa memindahkan fizikal wang tersebut. Para pengurup wang (*money changer*) telah memulakan penggunaan cek sebagai medium pemindahan wang dan kegiatan pembayaran yang lain.

Berdasarkan beberapa contoh tersebut, kita dapat melihat dengan jelas bahawa telah pun ada individu-individu yang melakukan fungsi perbankan pada zaman Rasulullah SAW, sahabat dan pemerintahan Islam meskipun individu tersebut tidak melakukan seluruh fungsi perbankan. Namun fungsi-fungsi utama perbankan moden, seperti menerima simpanan wang (deposit), penyaluran dana, dan melakukan pemindahan dana telah menjadi bahagian yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan umat Islam.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Tanpa disedari, perbankan Islam di Malaysia sudah mencapai usia 40 tahun sejak bermulanya operasi perniagaan Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) pada 1 Julai 1983. Penglibatan individu Muslim dalam ekosistem perbankan Islam, sama ada sebagai pelanggan, pemain industri atau penyedia perkhidmatan berkaitan sememangnya menepati suruhan Allah SWT yang telah memerintahkan para hamba-Nya untuk

¹ tuan punya (pengurus atau pegawai tinggi) bank. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

meninggalkan segala amalan melibatkan dosa besar riba sama ada dalam bentuk simpanan, pelaburan atau hutang-piutang. Islam amat menekankan konsep redha dan adil dalam sebarang urusan muamalah. Tidak seperti bank-bank konvensional lain, Islam memperkenalkan konsep pinjaman tanpa riba atau disebut *qard al-hasan*.

Ingatlah bahawa Allah SWT dan Rasul-Nya telah mengisytiharkan perang kepada sesiapa sahaja yang kekal berterusan dengan amalan riba melalui firmannya dalam Surah al-Baqarah ayat 278 dan 279:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنتُمْ مُؤْمِنِينَ ۚ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا

فَأَذْنُوبُ مِحْرَبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۗ وَإِن تُبْتِغُوا فَلَکُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِکُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ

ۚ ۚ ۚ

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan Rasul-Nya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa”.*

Jumhur ulama sepakat bahawa bunga bank adalah riba, yang membawa kepada hukum haram. Abu Zahrah, Abul ‘ala al-Maududi, Abdullah al-‘Arabi dan Yusuf al-Qaradhawi mengatakan bahawa bunga bank itu termasuk *riba al-nasi-ah* yang dilarang dalam Islam. Oleh sebab itu, umat Islam tidak boleh bermuamalah dengan bank yang mengamalkan sistem bunga, kecuali dalam keadaan darurat atau terpaksa.

Baginda Nabi SAW telah bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan dari Jabir RA:

عَنْ جَابِرٍ ، قَالَ : لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ آكِلَ الرِّبَا، وَمُؤَكِّدَهُ، وَكَاتِبَهُ،
وَشَاهِدَيْهِ. وَقَالَ : هُمْ سَوَاءٌ

Maksudnya: “Rasulullah SAW melaknat pemakan riba, yang memberikannya, pencatatnya dan saksi-saksinya. Rasulullah SAW mengatakan, ‘mereka itu sama”. (Hadis riwayat Imam Muslim)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ilmu pengetahuan tentang *fiqh al-muamalat* juga perlu dikuasai agar kita dapat mengamalkannya dengan kefahaman yang jelas dan mengenal pasti perbezaan antara perbankan Islam dan konvensional dan bukan menuruti hawa nafsu. Dengan itu, ia akan membawa kita kepada jalan hidup yang direhrai Allah SWT seterusnya menghadirkan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Mengakhiri khutbah Jumaat pada hari ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan:

Pertama: Ajaran Islam cukup lengkap dalam mengurus umatnya menjalani kehidupan seharian sebagaimana yang telah ditunjukkan melalui al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.

Kedua: Islam terlebih dahulu memperkenalkan sistem *muamalah* yang bermatlamatkan keredhaan dan keadilan.

Ketiga: Amalan riba merupakan salah satu amalan yang sangat ditegah berdasarkan tindakan tegas Rasulullah SAW yang melaknat golongan yang terlibat dalam mengamalkannya.

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بَاطِلًا وَتَقْتُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَاطِلًا وَأَنْتُمْ كَارِهِونَ ۗ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah supaya kamu berjaya.”. (Surah ali Imran ayat 130)

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَايَاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو عَزِيْزُهُ أَمِيْنُهُ مِيْمُونُهُ إِسْكَندَرِيْهُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ

الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.